



ROZMAN (kanan) bersama Teo memotong reben simbolik penutupan rasmi Karnival Peniaga dan Penjaja Harmoni Tahun Baru Cina 2020.

Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Harmoni rayu sewa lot dikurangkan

LABUAN :Persatuan Peniaga dan Penjaja Harmoni Labuan yang menganjurkan Karnival Penjaja dan Pengguna Harmoni sempena Tahun Baru Cina 2020 merayu agar Perbadanan Labuan dapat mengurangkan kadar sewa lot letak kereta yang digunakan sepanjang karnival berkenaan berlangsung.

Pengerusi Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Harmoni Labuan, Teo Lim Lai berkata, kadar sewa lot letak kereta yang terlalu tinggi iaitu RM15 sehari setiap satu lot serta kadar pembersihan sebanyak RM700 sehari agak mahal, menyebabkan ramai peniaga yang pada mulanya berminat untuk menyertai karnival itu terpaksa menarik diri.

"Persatuan telah menerima permohonan sebanyak 90 peniaga yang berminat untuk menyertai karnival itu, namun sewa yang agak mahal dikenakan menyebabkan hanya 78 peniaga sahaja yang bersetuju, malah keputusan untuk meluluskan permohonan mereka yang dibuat disaat saat akhir juga turut menyebabkan peniaga menarik diri katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutupan Karnival Peniaga dan Penjaja Harmoni sempena Tahun Baru Cina 2020 di Pasar Lama, pada Selasa.

Karnival sepanjang lima hari itu telah disempurnakan majlis penutupannya oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli.

Hadir sama, Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Simsudin Sidek dan Pengerusi Pertubuhan Komuniti Labuan, Haji Chemat Mustapha.

Dalam pada itu, Teo mengucapkan tahniah kepada peniaga yang menyertai karnival itu, kerana dapat melaksanakan tanggungjawab dengan mematuhi segala undang-undang yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan.

"Tanpa kerjasama dan tolong ansur daripada peniaga sudah tentu karnival ini tidak akan berjaya," katanya.

Sementara itu, Rozman, mengucapkan syabas dan tahniah kepada Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Harmoni yang telah dapat menghimpunkan ramai peniaga kecil tempatan termasuk dari luar Labuan untuk menyertai karnival tersebut.

"Ini membuktikan persatuan yang diterajui oleh Teo Lim Lai mendapat sokongan bukan sahaja daripada pihak peniaga tetapi juga daripada pelbagai agensi kerajaan termasuk Perbadanan Labuan," katanya dalam ucapan perasmian.

Menyentuh mengenai rayuan peniaga berkaitan kadar sewa yang agak mahal, Rozman akan membantu menyuarakan kepada pihak berkenaan untuk mempertimbangkan berdasarkan kepada keadaan ekonomi semasa Labuan yang belum stabil.

Pelbagai aktiviti menarik turut diadakan sepanjang karnival itu diadakan antaranya, persembahan tarian Singa, pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan Ratu Cheongsum, pertandingan Beybelade Burst dan Pertandingan Karaoke Dewasa serta cabutan tiket bertuah. -Oleh: JAINUDIN DJIMIN